

## TINJAUAN PELAKSANAAN PROGRAM PEMERKASAAN EKONOMI ASNAF (PROPER A) DI PERAK

### OVERVIEW OF THE IMPLEMENTATION OF ASNAF'S ECONOMIC EMPOWERMENT PROGRAM (PROPER A) IN PERAK

Sharipah Amirah Abas<sup>1</sup>  
Mohd Faizal P.Rameli<sup>2\*</sup>

<sup>1</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Malaysia (UiTM) Cawangan Shah Alam, Malaysia, (E-mail: sharipahamirah@gmail.com)

<sup>2</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Malaysia (UiTM) Cawangan Melaka, Malaysia, (Email: faizal061@uitm.edu.my)

\*Corresponding Author

#### Article history

**Received date** : 22-8-2024  
**Revised date** : 23-8-2024  
**Accepted date** : 10-9-2024  
**Published date** : 30-9-2024

#### To cite this document:

Abas, S. A., & P.Rameli, M. F. (2024). Tinjauan Pelaksanaan Program Pemerksaan Ekonomi Asnaf (PROPER A) di Perak. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9 (66), 26 – 36.

**Abstrak:** Zakat bukan hanya berfungsi sebagai kaedah pengumpulan kewangan sahaja malah ia merupakan salah satu pengabdian diri manusia kepada Allah SWT, membersihkan harta dan jiwa serta membantu golongan asnaf bagi meneruskan kelangsungan kehidupan mereka. Di antara bantuan produktif yang dicetuskan bagi membantu golongan asnaf ini adalah melalui pelaksanaan Program Pemerksaan Ekonomi Asnaf (PROPER A). Ianya bertujuan melatih golongan asnaf untuk menjadi usahawan dalam bidang pertanian. Ianya dijalankan di kawasan tanah yang dimiliki peserta atau milik keluarga yang terlibat. Kajian ini dijalankan untuk meninjau kaedah pelaksanaan Program Pemerksaan Ekonomi Asnaf (PROPER A). Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah kajian perpustakaan dan juga temubual terhadap pegawai yang terlibat dalam pelaksanaan program ini secara khusus. Kajian ini mendapati bahawa pogram ini telah melibatkan kerjasama dua institusi penting iaitu Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) dan syarikat panel atau konsultan yang dilantik.

**Kata Kunci:** Zakat, Asnaf, Usahawan Tani, Program Pemerksaan Ekonomi Asnaf (PROPER A)

**Abstract:** Zakat does not only function as a method of financial collection but rather it is one of human devotion to Allah SWT, cleaning property and soul and helping the asnaf to continue their lives. Among the productive assistance that was triggered to help this asnaf group was through the implementation of the Asnaf Economic Empowerment Program (PROPER A). It aims to train the asnaf group to become entrepreneurs in the field of agriculture. It is carried out on land owned by the participants or the families involved. This study was conducted to review the implementation method of the Asnaf Economic Empowerment Program (PROPER A). This qualitative study uses library research methods and also interviews with the officers involved in the implementation of this program specifically. This study found that this program

*has involved the collaboration of two important institutions, namely the Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) and the appointed panel or consultant company.*

**Keywords:** *Zakat, Asnaf, Agropreneur, Asnaf Economic Empowerment Program (PROPER A)*

## **Pengenalan**

Kemiskinan merupakan isu yang seringkali dibincangkan kerana ianya memberi kesan kepada pembangunan ekonomi negara. Bagi mengatasi kemiskinan ini, perlu ada pendekatan yang holistik dan berterusan. Kementerian Pertanian melalui Dasar Agromakanan Negara 2011-2020 menekankan jaminan bekalan makanan, menjadikan insdustri pertanian sebagai industri berdaya saing dan juga meningkatkan tahap pendapatan usahawan tani dan pengeluaran pertanian meningkat pada tahun 2020. Ini menunjukkan bahawa sektor pertanian sangat memainkan peranan penting dalam ekonomi negara.

Sektor pertanian menyumbang kepada ketahanan makanan negara dan membuka peluang pekerjaan. Namun, masih terdapat pelbagai isu dan cabaran yang dihadapi oleh golongan asnaf dalam meneruskan dan berjaya dalam sektor ini. Golongan asnaf di Malaysia sering menghadapi cabaran sosioekonomi seperti kemiskinan, kurangnya pendidikan, dan akses terhad kepada peluang ekonomi. Ini menjadikan mereka lebih rentan terhadap ketidakstabilan ekonomi dan kesulitan dalam membangunkan usaha perniagaan.

Sektor pertanian adalah salah satu sektor yang menjana pembangunan ekonomi negara malah membuka peluang pekerjaan kepada rakyat terutaman golongan asnaf. Justeru itu, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan memperkasakan keusahawanan dalam bidang pertanian (Haslina Abdul Hamid, 2020). Oleh itu, pelbagai inisiatif telah dilakukan oleh Kerajaan Malaysia dalam usaha mengurangkan kadar kemiskinan di negara ini. Usaha ini juga turut mendapat perhatian terutama pihak majlis agama Islam negeri (MAIN) dan institusi-institusi zakat negeri. Agensi-agensi ini telah membantu dalam usaha kerajaan bagi membangunkan ekonomi negara secara umumnya dan khususnya ekonomi umat Islam.

MAIN dan institusi-institusi zakat negeri juga menyediakan bantuan modal ataupun kursus bagi golongan asnaf untuk memulakan perniagaan selaras dengan dasar Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) kerajaan untuk memperkasakan ekonomi dalam bidang pertanian. Ini bertujuan membantu golongan asnaf untuk menjadi usahawan dalam bidang pertanian sekaligus membaiki kualiti hidup mereka keluar dari kepompong kemiskinan dengan cara menjadikan mereka sebagai daripada penerima zakat kepada pembayar zakat.

Pelbagai inisiatif yang Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) sediakan bagi membantu golongan asnaf fakir dan miskin negeri Perak keluar dari kepompong kemiskinan. Terdapat enam (6) bahagian utama yang ada di MAIPk ini antaranya ialah:

- i. Bahagian Kutipan Zakat
- ii. Bahagian Agihan Zakat
- iii. Bahagian Mal dan Wakaf
- iv. Bahagian Pentadbiran Khidmat Pengurusan
- v. Bahagian Kewangan
- vi. Bahagian Korporat

Bahagian yang menguruskan dana zakat yang dikutip adalah Bahagian Agihan Zakat yang mana di bahagian tersebut terdapat tiga (3) unit utama iaitu:

- i. Unit Pembangunan Asnaf
- ii. Unit Pendidikan
- iii. Unit Pemerkasaan Asnaf

Bagi segala program yang berbentuk keusahawanan dan kemahiran diletak dibawah pemerhatian Unit Pemerkasaan Asnaf. Terdapat beberapa kelas utama yang dikategorikan dalam bidang keusahawanan. Antaranya adalah:

- i. Bidang Pembuatan
- ii. Bidang Perkhidmatan
- iii. Bidang Pertanian
- iv. Bidang Penternakan
- v. Bidang Pemasaran

### **Kajian Literatur**

Menurut Isma Addi Jumri (2007), usahawan asnaf boleh didefinisikan sebagai individu yang melalui suatu proses penciptaan usaha niaga, mampu memikul tugas, tanggungjawab dan mencuba sebagai peniaga yang dirangsang dengan dorongan dan bantuan daripada institusi zakat di Malaysia. Definisi ini merujuk kepada individu golongan asnaf zakat terutamanya mereka tergolong dalam golongan fakir, miskin dan muallaf yang miskin.

Manakala usahawan tani adalah usahawan yang menjalankan kegiatan perniagaan dalam bidang pertanian. Pertanian merupakan bidang penting dalam menjana ekonomi negara. Oleh itu, perkhidmatan seperti pengangkutan, pemasaran dan pembekalan peralatan, benih, baja, mesin dan pengetahuan tentang ilmu pertanian seperti latihan juga perlu diberi keutamaan bagi membolehkan petani meningkatkan pengeluaran tanaman dan pendapatan baru (Firos, Ismail, & Goh, 2020).

Usahawan tani mempunyai peranan penting dalam meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara dan perkembangan sosial yang positif kerana sektor pertanian memberi banyak manfaat kepada kelangsungan hidup manusia (Aris, Abas, Mohd Adnan, Md Nasir, & Jalani, 2018) sekaligus membuka ruang dan peluang kepada usahawan untuk menceburkan diri dalam sektor pertanian.

Sektor pertanian merupakan sektor yang sentiasa relevan dan penting dari semasa ke semasa bagi menjana ekonomi negara dari segi pembekalan dan jaminan makanan. Sumber pertanian bukan sahaja merupakan kehendak tetapi ianya juga adalah keperluan kehidupan sebagai bekalan makanan harian. Pertanian sendiri mempunyai pelbagai jenis antaranya pertanian buah-buahan, sayur-sayuran, herba, balak dan lain-lain. Sejajar dengan Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) dan Dasar Pertanian Negara (DPN) yang ingin melahirkan usahawan yang berjaya sekaligus dapat memenuhi keperluan manusia dalam mencukupkan bekalan makanan bagi negara.

Pertumbuhan sektor pertanian dan pembangunan usahawan tani mestilah seimbang dengan pembangunan akhlak kerana pertanian dalam Islam harus menekankan konsep *al-falah* dalam memakmurkan tanah pertanian serta meningkatkan produk pemakanan yang halal dan bersih kerana pertanian Islam adalah pertanian yang tidak ada kemudaratan, mencegah segala pembaziran, mengutamakan yang penting dalam agama, mengelak segala penyelewengan, kemusnahan alam sekitar dan kelestarian alam sekitar (Zakaria & Hasan, 2019).

Usaha yang telah dilaksanakan oleh pihak MAIN dan institusi- institusi zakat negeri dalam membangunkan ekonomi asnaf wajar diteruskan memandangkan asnaf adalah golongan yang serba kekurangan dalam banyak aspek untuk menjadi usahawan. Langkah ini memerlukan penglibatan langsung dari institusi zakat, bukan setakat pemantauan tetapi penglibatan langsung dari institusi zakat dalam pembinaan kualiti asnaf (Sanep Ahmad, 2012) dan usaha membantu asnaf ini diteruskan dalam pelbagai bidang antaranya adalah bidang pertanian.

Terdapat strategi lain yang boleh meningkatkan kejayaan asnaf dalam menjana ekonomi diri mereka sendiri selain menerima bantuan modal perniagaan bagi yang ingin memulakan perniagaan (Rahman & Ahmad, 2011). Terdapat strategi lain yang boleh mempengaruhi kejayaan asnaf dalam mentransformasikan diri mereka. Tumpuan harus diberikan kepada pembangunan diri usahawan asnaf ini sendiri bagi memastikan mereka dilengkapi dengan ilmu pengetahuan dan mempunyai kemahiran untuk menjadi usahawan yang berjaya (Rahman, Ali Basah, Abdullah, Nooh, & Mohd Fauzi, 2014).

Antara strategi yang boleh diguna pakai bagi memperolehi kejayaan usahawan asnaf ini adalah dengan kaedah pemindahan teknologi melalui *joint venture* dan *collaboration*. Langkah ini memerlukan penglibatan langsung majlis agama Islam atau institusi zakat negeri agar proses pembinaan kualiti hidup asnaf dapat dicapai dan mampu menjadi seorang usahawan (Ahmad, 2012).

MAIN dan institusi- institusi zakat negeri perlu mengambil khidmat nasihat dari pihak-pihak yang mempunyai kepakaran secara langsung dengan pembangunan keusahawanan kerana dengan penglibatan mereka akan dapat membantu kelancaran usaha yang dijalankan di samping mengelakkan dari pembaziran dana zakat (Balwi & Abd Halim, 2008). Bimbingan dan latihan berterusan harus diberikan kepada usahawan asnaf agar mereka tidak gagal dalam perniagaan yang diusahakan serta kerjasama daripada masyarakat juga amat digalakkan dalam menyumbang kepada kejayaan usahawan asnaf (Yaakub & Muhd Adnan, 2018).

### **Objektif Kajian**

Tujuan utama pengkaji melakukan kajian ini adalah untuk meninjau pelaksanaan Program Pemerkaasan Ekonomi Asnaf (PROPER A) yang dijalankan di negeri Perak. Ini merupakan usaha yang dilakukan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) bagi membantu golongan asnaf bagi meringankan beban kehidupan mereka sekaligus membantu asnaf menjana pendapatan sendiri dengan aktiviti keusahawanan.

### **Metodologi Kajian**

Penyelidikan kualitatif mempunyai bentuk data yang tersendiri yang berbeza dengan penyelidikan kuantitatif (Jasmi, 2012). Kajian ini akan menggunakan pendekatan kualitatif. Kajian kualitatif ini menggunakan kajian kes sebagai strategi kajian. Kualitatif bermaksud suatu kaedah untuk menerokai dan memahami individu atau kumpulan yang terlibat dengan sesuatu masalah atau fenomena manusia dan masyarakat (Ismail & Ali, 2014). Kajian kualitatif yang digunakan adalah kajian perpustakaan bagi memahami konsep usahawan tani, usahawan asnaf dan program pembangunan ekonomi asnaf. Selain itu, temubual juga dilakukan bersama pegawai-pegawai terlibat secara khusus dan ditranskrip secara manual oleh penulis berkaitan dengan pelaksanaan Program Pemerkaasan Ekonomi Asnaf (PROPER A) di negeri Perak.

## Dapatan Kajian/Perbincangan

### **Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk)**


Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) merupakan salah sebuah badan berkanun negeri Perak. Secara umumnya, MAIPk menjadi organisasi utama yang bertanggungjawab dan diamanahkan untuk mengurus zakat dan wakaf di negeri Perak. Dana zakat merupakan instrumen penting kepada lapan golongan asnaf yang perlu dibantu dengan pelbagai jenis bentuk dan skim bantuan yang telah MAIPk sediakan. Menjadi satu cabaran bagi MAIPk untuk membantu semua golongan asnaf terutama asnaf fakir dan miskin supaya dapat mengubah kehidupan dan mengeluarkan golongan ini daripada kepompong kemiskinan.

MAIPk menjalankan fungsi-fungsi dengan menguruskan peruntukan kewangan yang diperolehi daripada kerajaan negeri, sumbangan wakaf dan dana zakat. MAIPk ini juga terlibat dalam penganjuran program-program, mendorong, membantu dan berusaha meningkatkan kemajuan dan kesejahteraan ekonomi, sosial, pentadbiran masyarakat dan Islam berpandukan hukum-hukum syarak negeri Perak serta menjaga kebajikan bagi membantu golongan asnaf fakir miskin yang memerlukan di negeri Perak.

### **Program Pemerksaan Ekonomi Asnaf (PROPER A)**

Hasil tembuial bersama pegawai MAIPk yang ditugaskan di bahagian pelaksanaan Program Pemerksaan Ekonomi Asnaf ini telah dilaksanakan pada tahun 2019. Nama singkatan bagi program ini adalah PROPER A yang membawa maksud PROPER itu adalah singkatan kepada program pemerksaan ekonomi manakala A merujuk kepada asnaf. PROPER A ini diwujudkan untuk membantuk taraf kehidupan asnaf dengan menyediakan pelbagai bentuk bantuan yang bersifat material dan keilmuan melalui pendekatan-pendekatan sosio-ekonomi selaras dengan konsep memberi kail kepada kumpulan sasar untuk membolehkan tahap kualiti hidup asnaf meningkat.

Objektif pelaksanaan bagi PROPER A ini adalah bertujuan meningkatkan taraf sosioekonomi asnaf melalui peningkatan kadar pendapatan seisi rumah. Antara objektif utama PROPER A ini yang pertama adalah membuka peluang kepada asnaf untuk meningkatkan sosioekonomi dalam bidang perniagaan dan kemahiran manakala yang kedua adalah menyediakan skim latihan kemahiran dan latihan keusahawanan kepada asnaf sehingga mereka menjadi pekerja mahir atau usahawan mikro (Pegawai Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak, 2020).




**Rajah 1: Program Inkubator Usahawan Tani Asnaf PROPER A**

Sumber: Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk)

Berdasarkan gambar rajah 1 di atas, pelaksanaan Program Pemerkasaan Ekonomi Asnaf (PROPER A ini terbahagi kepada dua kaedah iaitu pertama adalah Bantuan Modal Perniagaan yang memfokuskan kepada permohonan baru melalui borang yang disediakan di semua pejabat daerah Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk). Setiap permohonan yang dimohon akan melalui beberapa proses yang akan dijalankan oleh pegawai atau staf MAIPk sendiri. Bentuk bantuan yang diberikan ini merupakan kelengkapan peralatan perniagaan. Manakala yang kedua adalah Skim Latihan Keusahawanan Baitulmal yang fokus kepada asnaf fakir, miskin dan muallaf bagi memberi ruang dan peluang berbentuk bimbingan dan peralatan kepada mereka dalam menjana pendapatan, meningkatkan taraf ekonomi dan seterusnya menjadi usahawan yang berjaya dan keluar dari kepompong kemiskinan malah mampu menjadi pembayar zakat (Pegawai Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak, 2020).

## Skim Latihan Keusahawanan Baitulmal



### Rajah 2: Program-Program Skim Latihan Keusahawanan Baitulmal PROPER A

Sumber: Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk)

Skim Latihan Keusahawanan Baitulmal ini terbahagi kepada beberapa jenis bentuk program pelaksanaannya seperti gambar rajah 2 di atas. Antaranya adalah Asnaf Bantuan Modal (A-BaM), Mentor Mentee, Business Entrepreneur Asnaf MAIPk (BEAM) dan 1 Masjid 1 Perniagaan Asnaf (1M1PA).

Asnaf Bantuan Modal (A-BaM) ini memfokuskan kepada penerima bantuan modal sedia ada, permohonan baru atau penerima bantuan kewangan bulanan yang ada potensi dalam menjalankan bidang perniagaan yang berskala kecil. Peserta yang menyertai program ini akan diberikan kursus jangka pendek seperti kursus kewangan atau pengurusan akaun perniagaan serta dipantau pendapatan mereka selama tiga bulan oleh pihak Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk). Bentuk bantuan yang akan diberikan adalah kelengkapan peralatan perniagaan serta lain-lain keperluan mengikut kesesuaian.

Bentuk program Mentor Mentee memfokuskan kepada program secara *coaching* kepada asnaf mengikut bidang tertentu dan tumpuan diberikan kepada kumpulan yang lebih kecil (*one on one coaching session*). Mentor yang dilantik adalah mentor yang mempunyai bidang kepakaran dalam bidang yang dipilih dan berkaitan. Antara bidang yang disediakan adalah:

1. Bidang Pemasaran dan Penjenamaan Produk
2. Bidang Pembuatan Produk
3. Bidang Pertanian
4. Bidang Penternakan
5. Bidang Perkhidmatan

*Business Entrepreneur* Asnaf MAIPk (BEAM) merupakan program yang memfokuskan kepada penjenamaan semula perniagaan asnaf yang berskala sederhana dan dilihat boleh berkembang maju serta diberikan bantuan tambahan seperti keperluan barangan atau peralatan dan papan tanda premis perniagaan.

Program 1 Masjid 1 Perniagaan Asnaf (1M1PA) ini mensasarkan masjid sebagai satu tempat berpusat yang terdapat pelbagai perniagaan asnaf. Program 1M1PA ini memfokuskan kepada perniagaan berbentuk kabin dalam kawasan masjid kepada asnaf yang ada potensi dalam menjalankan perniagaan. Bentuk bantuan yang akan diberikan adalah kabin dan peralatan perniagaan. Selain membantu asnaf, tujuan program ini juga diperkenalkan adalah untuk mengimarahkan masjid dan menjadikan masjid sebagai pusat kegiatan ekonomi. Antara perniagaan yang telah dijalankan adalah perniagaan perkhidmatan gunting rambut.

### Program Mentor-Mentee Dalam Bidang Pertanian

Menurut pegawai MAIPk, Program Mentor Mentee ini dipecahkan kepada beberapa bidang yang difokuskan. Salah satu bidang yang difokuskan adalah bidang pertanian. Program Mentor Mentee dalam bidang pertanian dijalankan bermula dari awal hingga hasil tanaman dijual. Tujuan utamanya adalah untuk memberi peluang berbentuk bimbingan dan peralatan kepada peserta dalam menjana pendapatan serta meningkatkan taraf ekonomi dan keberhasilan mereka dalam bidang pertanian melalui pembelajaran kolaboratif dan bimbingan yang berkesinambungan.

Peserta-peserta yang telah menyertai program inkubator usahawan tani ini adalah seramai dua puluh orang dan melepasi syarat kelayakannya iaitu beragama Islam, warganegara Malaysia, bermastautin di negeri Perak, ada keupayaan iaitu tenaga kerja, umur antara 25 hingga 50 tahun dan memiliki tanah seluas 100 X 100 kaki sahaja sama ada hak milik sendiri atau keluarga dengan kebenaran bagi tujuan tempat penanaman cili fertigasi

Dana yang diperuntukkan bagi program pertanian ini adalah sebanyak RM400 ribu dan digunakan dengan cara pemberian bantuan peralatan yang mana peserta akan gunakan sepanjang tempoh proses penanaman. Bagi permulaan projek pertanian, peserta akan menerima bantuan menambak tanah sebanyak RM1,500.00 bagi meringankan beban peserta untuk memulakan projek pertanian cili fertigasi ini.

MAIPk telah melantik syarikat panel atau konsultan yang bertanggungjawab dalam memastikan program ini dapat dilaksanakan dengan baik. Syarikat panel yang dilantik merupakan syarikat yang mempunyai kepakaran dalam penanaman cili fertigasi dan mereka sendiri mempunyai beberapa ribu ekar ladang dan juga pembekal cili yang besar d negeri Perak (Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk), 2020).

Syarikat panel akan memantau peserta-peserta yang terlibat selama lapan bulan yang mana dua bulan pertama adalah sesi kursus dan bimbingan sebelum proses penanaman dilaksanakan dan 6 bulan adalah proses pemantauan yang dijalankan ke atas setiap peserta. Laporan perkembangan projek tanaman cili fertigasi akan dihantar kepada Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) tiap dua bulan sekali.

### Pelan Tindakan dan Pelaksanaan



**Rajah 3: Carta Alir Pelan Tindakan dan Pelaksanaan Skim Latihan Keusahawanan Baitulmal**

Sumber: Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk)



Berdasarkan gambar rajah 3 di atas menunjukkan carta alir bagi pelan tindakan dan pelaksanaan bagi Skim Latihan Keusahawanan Baitulmal. Pelan tindakan ini terbahagi kepada empat fasa iaitu:

1. Fasa pertama iaitu selepas peserta-peserta telah berjaya proses temuduga, mereka perlu menghadiri seminar Hijrah Minda yang diadakan oleh syarikat panel yang dilantik bagi mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi oleh peserta sebelum memulakan aktiviti proses penanaman cili fertigasi.
2. Fasa Kedua pula fasa yang mana syarikat panel akan mengajar peserta-peserta tentang ilmu asas-asas perniagaan, asas kewangan, asas perakaunan dan asas-asas yang lain.
3. Fasa Ketiga adalah fasa pembekalan barang kepada peserta mengikut kepada keperluan yang diperlukan dan tidak melebihi RM5000.
4. Fasa Keempat adalah fasa pemantauan dan bimbingan dalam tempoh enam bulan. Dalam tempoh tersebut, syarikat panel akan pergi kepada setiap peserta untuk memantau tentang bagaimana projek penanaman cili fertigasi berjalan, lihat penanaman, hasil tanaman dan sebagainya dan laporan dari pemantauan ini akan dihantar kepada Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk).

### Taburan Peserta PROPER A di Negeri Perak

**Jadual 1: Taburan Peserta PROPER A di Sekitar Negeri Perak**

Bil	Daerah	Jumlah Peserta	Jenis Tanaman
1	Ipoh	0	-
2	Batu Gajah	0	-
3	Bagan Serai	0	-
4	Parit Buntar	0	-
5	Seri Iskandar	2	Cili fertigasi
6	Kampong Gajah	1	Cili fertigasi
7	Lenggong	5	Cili fertigasi
8	Pengkalan Hulu	1	Cili fertigasi
9	Kuala Kangsar	8	Cili fertigasi
10	Taiping	2	Cili fertigasi
11	Selama	2	Cili fertigasi
12	Manjung	4	Cili fertigasi
13	Kampar	0	-
14	Muallim	0	-
15	Tapah	1	Cili fertigasi
16	Teluk Intan	1	Cili fertigasi
17	Gerik	8	Cili fertigasi
18	Bagan Datuk	5	Cili fertigasi

Sumber: Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk)

Jadual 1 di atas menunjukkan taburan peserta Program Pemerksaan Asnaf (PROPER A) mengikut daerah-daerah di negeri Perak. Taburan peserta yang menyertai program ini dikenalpasti di dua belas (12) daerah iaitu di Seri Iskandar, Kampong Gajah, Lenggong, Pengkalan Hulu, Kuala Kangsar, Taiping, Selama, Manjung, Tapah, Teluk Intan, Gerik dan Bagan Datuk. Peserta yang paling ramai adalah di daerah Kuala Kangsar dan di Gerik seramai lapan (8) orang peserta dan jumlah yang hanya seorang (1) sahaja peserta adalah di Kampong Gajah, Pengkala Hulu, Tapah dan Teluk Intan (Pegawai Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak, 2020).

### **Kesimpulan**

Usaha berterusan untuk memajukan dan mengubah kehidupan golongan asnaf kearah yang lebih baik perlu diperluaskan (Meerangani & Zaham Azman, 2019). Oleh itu, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) tidak ketinggalan membantu usaha kerajaan bagi membangunkan ekonomi negara amnya dan ekonomi umat Islam khususnya dengan melaksanakan satu projek keusahawanan asnaf fakir dan miskin di negeri Perak dalam bidang pertanian selari dengan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK 12) iaitu memperkasakan ekonomi dalam bidang pertanian. Sektor pertanian merupakan satu keperluan dalam sesebuah negara kerana hasil daripada pertanian memberi banyak manfaat kepada manusia iaitu sumber makanan dan jaminan bekalan makanan negara sekaligus menaikkan ekonomi negara. Oleh itu, kajian ini mendapati bahawa Program Pemerksaan Asnaf (PROPER A) ini adalah program yang sangat bagus dan wajar diteruskan kerana membantu asnaf menjana pendapatan sendiri melalui aktiviti pertanian khususnya. Kajian seterusnya boleh diteruskan dengan menguji keberkesanan program ini di masa akan datang.

### **Penghargaan**

Kertas kajian ini ditulis bagi memenuhi keperluan Sarjana Pengajian Islam Kontemporari

### **Rujukan**

- Ahmad, S. (2012). Membangun Keusahawanan Asnaf: Analisis Konsep Model Pemindahan Teknologi. *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VII (PERKEM VII) Transformasi Ekonomi dan Sosial ke Arah Negara Maju*, (pp. 709-715). Ipoh, Perak.
- Aris, N. M., Abas, S. A., Mohd Adnan, S. D., Md Nasir, M. F., & Jalani, H. (2018). Modul Usahawan Tani Islam. *E-Journal of Islamic Thought and Understanding*, 16-32.
- Bakar, M. H. (2012). *Hubungan Antara Agihan Zakat Dan Kualiti Hidup Asnaf Fakir dan Miskin*. Universiti Utara Malaysia.
- Balwi, M. A., & Abd Halim, A. H. (2008). Mobilisasi Zakat Dalam Pewujudan Usahawan Asnaf: Satu Tinjauan. *Jurnal Syariah*, 567-584.
- Firos, M., Ismail, F. A., & Goh, S. (2020). The Malaysian Farmers And Agricultural Entrepreneurship Development. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*.
- Grix, J. 2002. *Intoducing students to the Generic Terminology of social research. Politics: Vol 22(3): 175-186*
- Ismail, A. M., & Ali, M. N. (2014). *Kaedah Penyelidikan Sosial*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jasmi, K. A. (2012). *Metodologi Pengumpulan Data Dalam Penyelidikan Kualitatif*. Johor Bahru: Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Jalan Datin Halimah.
- Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk)*. (27 September, 2020). Retrieved from <https://prezi.com/bhsc-24mrzud/program-pemerksaan-ekonomi-asnaf/>

- Meerangani, K. A., & Zaham Azman, U. K. (2019). Keberkesanan Program Pembangunan Ekonomi Asnaf oleh Lembaga Zakat Selangor. *e-Academia Journal*, 14-24.
- Nazif, W. M., & Ibrahim, F. (2007). *Formula Menjadi Usahawan Berjaya*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn Bhd.
- Rahman, A. A., Ali Basah, M. Y., Abdullah, M., Nooh, M. N., & Mohd Fauzi, A. A. (2014). Keberkesanan Program Usahawan Asnaf oleh Institusi Zakat dalam Menginterpretasikan Keharmonian Ummah. *Proceeding of International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization (iCasis)* (pp. 500-509). Kuala Lumpur: World Conferences.net.
- Rahman, R. A., & Ahmad, S. (2011). Strategi Pembangunan Keusahawanan Asnaf Fakir dan Miskin melalui Agihan Bantuan Modal Zakat. *Jurnal Pengurusan 33*, 37-44. *Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk)*. (27 September, 2020). Retrieved from <https://prezi.com/bhsc-24mrzud/program-pemeriksaan-ekonomi-asnaf/>
- Yaakub, Z., & Muhd Adnan, N. I. (2018). Faktor-Faktor Kejayaan Usahawan Ikon Majlis Agama Islam Melaka (MAIM). *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 82-93.
- Yusof, A. A. (2010). *Pengenalan Kepada Usahawan & Keusahawanan*. ScholarMind Publishing.
- Zakaria, M. B., & Hasan, J. (2019). Pertanian Dalam Islam. *Proceedings of the International Conference on Islamic Civilization and Technology Management* (pp. 678-688). Research Institute for Islamic Product and Malay Civilization (INSPIRE) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).